



PERISTIWA ANEH DALAM CERITA RAKYAT “HIKAYAT NAKHODA MUDA”: ANALISIS SEMANTIK INKUISITIF

(Strange Events in Folklore "Hikayat Nakhoda Muda": Inquisitive Semantics Analysis)

Nur Ezatull Fadtehah Hedel^{1*}, Mary Fatimah Subet¹

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS),
94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding Author Email: nurezatullfadtehah@gmail.com

Received: 31May 2020 • Accepted: 14 October 2020 • Published: 31 October 2020

Abstract

Strange events always absorbed in the creation of folk stories. This happens as strange events are able to trigger emotions such as excitement, curiosity and peculiarity among readers and listeners. However, the strange event cannot be translated literally due to the presence of the implicit meaning in the text. Therefore, to explore the implicit meanings that occur in the text, the researcher applied the Inquisitive Semantics (IS) by Jalaluddin and Bridging Cross Reference (BCR) approach by Kempson. This is a fully qualitative study as it involves text analysis from a documented book. The source of the data was obtained from a book entitled “Antologi Enam Hikayat” by Nor. The limitation of this study, the researcher only analyze folklore entitle “Hikayat Nakhoda Muda”. Based on the findings of the study, this folklore has 10 strange events. Therefore, by using IS and BCR, the researcher can answer why strange events occur in this folklore based on data, cognitive, theory and philosophy in order to explore the wisdom of the people in the past that are high in intellect.

Keywords: Folklore, Hikayat Nakhoda Muda, strange event, inquisitive semantics, intelligence

Abstrak

Peristiwa aneh sering diserapkan dalam penciptaan cerita rakyat. Perkara ini berlaku supaya dapat menimbulkan perasaan teruja, tanda tanya mahupun kepelikan dalam kalangan pembaca dan pendengar. Namun begitu, peristiwa aneh ini tidak dapat diterjemahkan secara harfiah sahaja kerana kejadian tersebut bersifat tersirat. Oleh itu, bagi merungkai sebab kejadian aneh dalam cerita rakyat ini, pengkaji

mengaplikasikan pendekatan Semantik Inkuisitif (SI) oleh Jalaluddin (2014) serta dibantu pendekatan Rangka Rujuk Silang (RRS) oleh Kempson (1986). Kajian ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya dengan mengaplikasikan analisis dokumen yang telah dibukukan. Sumber data diperoleh daripada buku hikayat yang berjudul “Antologi Enam Hikayat” terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka hasil usaha Nor (2016). Namun begitu, sebagai batasan kajian pengkaji akan menganalisis cerita rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”. Berdasarkan dapatan kajian, cerita rakyat “Hikayat Nakhoda Muda” mempunyai 10 peristiwa aneh. Oleh itu, berpandukan pendekatan SI dan RRS ini pengkaji dapat menjawab sebab terjadinya kejadian aneh dalam cerita rakyat tersebut berpandukan data, teori kognitif dan falsafah demi mencungkil akal budi penuturnya.

Kata kunci: Cerita rakyat, Hikayat Nakhoda Muda, peristiwa aneh, Semantik Inkuisitif, akal budi

Cite as: Hedel, N.E.F., Subet, M.F. (2020). Peristiwa aneh dalam cerita rakyat “Hikayat Nakhoda Muda”: Analisis semantik inkuisitif. *Asian People Journal*, 3(2), 147-160.

PENGENALAN

Malaysia mempunyai pelbagai sastera rakyat yang cukup bernilai. Sastera rakyat sebegini ditinggalkan oleh nenek moyang kita dahulu seperti cerita rakyat, dongeng, pantang larang dan banyak lagi. Hal ini demikian kerana khazanah seperti ini banyak mempunyai mesej yang terkandung secara tersurat dan tersirat bagi menyampaikan sesuatu maksud tersebut (Daud, Wahid, & Gedat, 2017; 2018). Salah satu cerita rakyat digunakan oleh nenek moyang kita dahulu bagi dijadikan pedoman dan suri teladan kepada anak cucu-cicitnya atau generasi yang akan datang. Cerita rakyat disampaikan secara lisan suatu ketika dahulu dan mempunyai unsur jenaka bagi menarik perhatian anak-anak muda untuk mendengar cerita tersebut. Tujuan utama cerita rakyat tersebut disampaikan supaya anak muda dapat memahami konteks yang hendak disampaikan dan bukan hanya sekadar berhibur semata-mata. Umum mengetahui bahawa salah satu kaedah pembelajaran orang dahulu adalah dengan menyampaikan cerita rakyat ataupun cerita lipur lara di mana pembelajaran secara tidak langsung atau informal digunakan.

Menurut Othman (1991), cerita rakyat Melayu juga adalah sebahagian besar daripada sastera milik masyarakat Melayu yang telah disampaikan daripada satu generasi ke generasi yang lain sejak zaman berzaman. Cerita rakyat Melayu iaitu hikayat adalah hasil pengucapan dan ujaran masyarakat Melayu yang beragama Islam. Di samping itu, Othman (1991) dan Rahim (2014) masing-masing bersetuju bahawa cerita rakyat Melayu iaitu Hikayat adalah salah satu warisan tradisi yang diwarisi kepada generasi-generasi berikutnya dan cerita rakyat Melayu Hikayat ini sebenarnya masih lagi relevan dan popular serta diminati bukan sahaja masyarakat Melayu itu sendiri bahkan pengkaji yang berlatarbelakangkan pelbagai budaya dan etnik juga meminati cerita rakyat ini. Hal ini demikian kerana setiap penyampaian cerita-cerita rakyat Melayu Hikayat tersebut sarat dengan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan pedoman hidup setiap lapisan masyarakat dalam menjalani kehidupan. Seni sastera juga bermutu dan estetik, berperanan penting sebagai panduan, petunjuk serta pengajaran yang dihasilkan oleh rakyat, tidak terbatas kepada masyarakat Melayu sahaja bahkan masyarakat lain juga. Sastera rakyat juga merangkumi aspek kebudayaan dan pandangan dunia berkenaan masyarakat tradisi di mana pewarisan sastera rakyat ini dijalinakan menerusi hubungan komunikasi seterusnya mencetuskan kreativiti. Oleh itu, tidak dapat disangkal lagi jika sastera rakyat memiliki kekuatan yang utuh kerana dapat memberikan pedoman serta pengajaran berguna kepada masyarakat tradisi.

Namun begitu, kesan daripada kemajuan teknologi semasa telah menyebabkan pemahaman terhadap cerita rakyat dalam kalangan masyarakat Malaysia berkurangan. Hal ini demikian kerana cerita rakyat sukar difahami sekiranya masyarakat tersebut tidak dibiasakan dengan identiti budaya masyarakat Melayu itu sendiri. Oleh itu, pendekatan SI oleh Jalaluddin (2014) digunakan bagi membantu pembaca dalam memahami makna implisit di sebalik cerita rakyat hikayat tersebut. Keunikan cerita rakyat hendaklah dihargai oleh setiap lapisan masyarakat supaya tidak lenyap ditelan zaman seiring dengan peredaran zaman. Umum mengetahui bahawa cerita rakyat merupakan salah satu identiti Malaysia yang kaya dengan ratusan cerita rakyat daripada setiap negeri di Malaysia.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat kajian-kajian yang berkenaan cerita rakyat sama ada dalam dan luar negara. Cerita rakyat kebanyakan dipersembahkan dalam filem-filem atau buku-buku. Kajian lepas yang mengkaji filem dan buku cerita rakyat ini telah menggunakan pendekatan yang berbeza. Contohnya, Teori Relevans (TR), implikatur, SI dan pelbagai lagi pendekatan yang dijalankan untuk mengkaji cerita rakyat tersebut. Antara pengkaji lepas tempatan yang mengkaji data cerita rakyat ialah, Azmy (2012), Zakaria dan Jalaluddin (2015), Anis (2017), Kadir dan Hamzah (2017), Adenan, Kayad dan Daud (2018), Salleh et al. (2020) serta Samaon dan Subet (2020a; 2020b). Manakala, pengkaji luar negara pula adalah seperti Durachman (2014) dan Saragih (2017).

Kajian Kadir dan Hamzah (2017) contohnya, iaitu Kajian Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing telah mengkaji berkaitan dengan makna ujaran implisit dalam cerita rakyat tersebut. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti ujaran implisit dalam filem tersebut dan menganalisis ujaran tersebut berdasarkan TR. Kajian ini berbentuk kualitatif dan menggunakan reka bentuk deskriptif. Teori yang diguna pakai adalah TR di mana pengkaji menekankan tiga elemen utama iaitu kognitif (konteks), kesan kognitif (kesan konteks) dan kos proses (usaha memproses) bagi memperoleh jawapan bagi ujaran implisit dalam cerita tersebut. Kaedah pengumpulan data kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah pemerhatian. Menurut Ismail (2016), kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah yang dijalankan secara sistematik dengan menggunakan prosedur yang betul berdasarkan tingkah laku atau suasana yang berlaku secara semula jadi. Menurutnya juga, kaedah pemerhatian juga turut mendahulukan aspek penginterpretasi data dan seterusnya menjawab persoalan mengapa, apa dan bagaimana terjadinya sesuatu kejadian tersebut dan perkara ini belum mencapai tahap SI tetapi mencapai tahap semantik resonans. Bagi kaedah menganalisis data pula, kaedah pemerhatian ini penting bagi mendengar, melihat dan memerhati elemen implisit dalam kajian filem Sri Mersing ini.

Contoh dapatan kajian filem Sri Mersing yang mengkaji ujaran implisit seperti ujaran “jangan hidung tak mancung pipi tersorong-sorong” pada awalnya mengkaji dari segi kognitif (konteks) yang dikesan dalam ujaran Sri Mersing kepada Tambak. Kognitif dibina oleh Tambak dengan mengandaikan bahawa Sri Mersing telah mengkritiknya dengan peribahasa tersebut yang membawa maksud suka ikut campur dalam urusan orang lain (Hussain, 1993). Jalaluddin (2007) telah memperkenalkan tiga cara yang boleh diaplikasikan ketika proses kesan konteks adalah dalam perbualan langsung, seperti penggabungan, penguatan dan pengguguran. Dalam ujaran “jangan hidung tak mancung pipi tersorong-sorong” merupakan hasil daripada penggabungan atau penguatan di mana Tambak membuat andaian bahawa dirinya telah dikritik keras dan dimalukan oleh Sri Mersing menggunakan peribahasa tersebut. Andaian ini dikukuhkan lagi apabila Tambak menggabungkan maklumat yang baharu disampaikan oleh Sri Mersing iaitu “orang tak cakap dengan dia, dia nak cakap dengan orang, muka tak malu”.

Kesan kognitif terlihat melalui reaksi Sri Mersing yang tidak gemar dengan kehadiran Tambak yang suka masuk campur dan mengganggu komunikasi kaum wanita dan perbuatan Si Tambak tersebut dikira kurang beradab, walaupun niat Si Tambak adalah baik iaitu untuk memuji Sri Mersing. Oleh kerana ketidakselesaian tersebut, Sri Mersing mengambil keputusan mengujarkan peribahasa tersebut dan ungkapan dari Sri Mersing merupakan ujaran implisit. Menurut Sperber dan Wilson (1995), dalam kos proses (usaha memproses) ujaran tersebut, semakin rendah usaha memproses ujaran peribahasa tersebut, maka makin singkat masa yang diambil untuk diproses. Hal ini demikian kerana reaksi Tambak cepat bertindak balas terhadap ujaran Sri Mersing tersebut lantas mengeluarkan senjatanya menghunus ke arah Sri Mersing telah menandakan Tambak terkesan dengan ujaran tersebut. Dapat disimpulkan bahawa reaksi ujaran implisit “jangan hidung tak mancung pipi tersorong-sorong” memenuhi ketiga-tiga elemen dalam TR tersebut.

Bagi kajian ini pula, pengkaji akan mengaplikasikan pendekatan SI oleh Jalaluddin (2014). Kajian yang menggunakan pendekatan ini lebih terarah kepada data peribahasa khususnya. Contohnya kajian, Jalaluddin (2014), Daud (2017; 2018a; 2018b; 2018c; 2020), Subet dan Nasir (2019), Daud dan Subet (2019a; 2019b; 2019c; 2019d; 2020), Murthy dan Subet (2018a; 2018b; 2019) serta Murthy, Subet dan Daud (2019a; 2019b; 2019c). Namun begitu, terdapat juga usaha daripada pengkaji terkini yang mengaplikasikan pendekatan SI menggunakan pendekatan ini. Contohnya kajian Zakaria dan Jalaluddin (2016).


Zakaria dan Jalaluddin (2016) telah menjalankan kajian dalam konsep ruang dengan menekankan unsur flora dalam cerita Anggun Cik Tunggal berpandukan analisis SI. Objektif kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti serta menganalisis makna implisit dalam cerita tersebut hingga mencungkil jauh ke akal budi masyarakat dengan mengaplikasikan konsep ruang. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan data korpus hasil dokumentasi pihak Yayasan Karyawan (Taib, 2003). Dapatan kajian yang menunjukkan leksikal flora seperti “*langkah bergelar setugal kacang, Lenggang bernama setabur bayam*”.

Hasil dapatan seperti “*Kapal Petolo Kapal Petolai, Siang berbaju layang, Malam berbaju rantai, Makan kerbau orang di haluan, Melayang surat ke buritan, ...*” dan mendapati konsep ruang fizikal yang ingin disampaikan tidak dinyatakan secara langsung tetapi masih lagi dapat dikesan oleh pendengar. Maklumat kognitif juga telah membantu pendengar menginterpretasikan maklumat dengan membina konteks sendiri berdasarkan RRS iaitu penggabungan data lama dengan data yang baru. Pemilihan leksikal flora dan fauna seperti leksikal kerbau, layang, pantai, tujuh berhala dan tujuh mahligai sebenarnya telah meminimumkan usaha memproses maklumat ruang hasil daripada pengaruh persekitaran yang sebenarnya tidak memerlukan maklumat terperinci untuk memahami perkara tersebut.

Rumusannya, berdasarkan sorotan kajian lepas ini pengkaji mendapati bahawa cerita rakyat masih mendapat tempat di hati para pengkaji dalam dan luar negara. Kajian berkaitan kesusasteraan rakyat juga menjadi satu sumber bukti bahawa pemikiran, akal budi dan budaya mempengaruhi sesuatu kaum dari pelbagai sudut baik dari segi kelakuan mahupun kehidupan (Daud, Wahab & Lokman, 2018). Walaupun memiliki cerita rakyat yang tersendiri berbeza mengikut tempat, budaya dan masyarakat masing-masing. Penggunaan pendekatan SI dalam kajian tidak kira cerita rakyat ataupun peribahasa mampu membantu penyelidik serba sedikit menambah pengetahuan berkenaan kajian SI, Hal ini dikatakan demikian kerana kajian tersebut mampu menjawab persoalan yang berlegar-legar dalam minda pengkaji mahupun pendengar.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk eksploratori kerana mengenal pasti masalah ataupun membuat justifikasi kepada sesuatu keadaan. Sebagai contoh, pengkaji mengenal pasti ungkapan yang menunjukkan tingkah laku aneh dalam cerita rakyat tersebut lantas membuat justifikasi kepada sesuatu keadaan tersebut dengan menggunakan pendekatan SI. Pengkaji juga menggunakan data berbentuk teks iaitu data korpus daripada buku hikayat yang berjudul Antologi Enam Hikayat. Buku tersebut mengandungi enam hikayat. Rajah 1 menunjukkan variasi cerita rakyat yang terdapat dalam Antologi Enam Hikayat hasil dokumentasi pihak Dewan Bahasa dan Pustaka hasil usaha Nor (2016).



Rajah 1: Variasi cerita rakyat dalam Antologi Enam Hikayat

Namun begitu, sebagai batasan kajian pengkaji memilih hanya satu cerita rakyat dalam kajian ini iaitu Hikayat Nakhoda Muda. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan pensampelan bertujuan pengkaji mendapati bahawa daripada enam cerita rakyat tersebut, pengkaji telah memilih Hikayat Nakhoda muda kerana pengkaji mendapati terdapat lebih dominan peristiwa aneh yang diujarkan dalam cerita rakyat tersebut. Pengkaji juga merasakan terdapat rahsia yang hendak disampaikan di sebalik ujaran tersebut yang belum dirungkai dan menarik apabila maknanya diketahui umum. Oleh itu, pengkaji akan mengambil pendekatan SI untuk merungkai makna yang hendak disampaikan oleh pengkaji kepada para pembaca. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 10 peristiwa aneh yang dijumpai oleh pengkaji. Peristiwa aneh yang diperoleh daripada buku cerita rakyat tersebut dianalisis melalui tiga peringkat. Pada peringkat pertama, data tersebut dianalisis berdasarkan semantik skrip. Pada peringkat semantik skrip, pengkaji hanya memberikan maksud secara harfiah atau literal sahaja. Seterusnya,

pengkaji beralih kepada analisis peringkat kedua iaitu semantik resonans. Pada peringkat kedua ini, pengkaji mula mengaitkan data dengan TR iaitu TR merupakan salah satu wadah untuk mencapai kepada SI. TR penting bagi pendengar menganalisis mesej daripada penutur (Jalaluddin, 2007).

Di samping itu, TR digunakan kerana menekankan prinsip ujaran bersifat jelas dan nyata iaitu ujaran mudah difahami oleh pendengar supaya ujaran berimplisit tidak digunakan. Teori ini juga penting untuk digunakan kerana kerelevanan ujaran bergantung kepada konteks, kesan kognitif dan kos proses dalam maklumat tersebut. Pada tahap ini juga, pengkaji menggunakan RRS dan gambaran kognitif berdasarkan TR tersebut. Akhir sekali, pengkaji memproses data dengan menggunakan SI iaitu pengkaji mentafsir data sehingga mencungkil ke akal budi penutur atau lebih meneroka ke falsafah dan mencungkil mengapa leksikal tersebut dipilih dan seterusnya mengaitkan dengan disiplin lain serta budaya tertentu bagi mendapatkan jawapan yang konkrit.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati bahawa peristiwa aneh yang berlaku dalam Hikayat Nakhoda Muda adalah sesuatu kejadian yang luar daripada norma kebiasaan manusia. Jadual 1 menunjukkan contoh peristiwa aneh yang terdapat dalam Hikayat Nakhoda Muda.

Jadual 1: Peristiwa aneh dalam Hikayat Nakhoda Muda

Cerita Rakyat	Peristiwa aneh	Perkara aneh	Muka Surat
	1. Setelah itu maka orang tua itu berjalanlah lalu diikuti oleh orang muda itu. Maka ia masuk ke hutan itu dikembangkan orang muda itu payungnya. Maka fikir orang tua itu, “Gila sungguh orang muda kedua ini, maka di dalam hutan ia berpayung, jika ia keluar di padang maka ditutup payungnya”.	Memakai/menggunakan payung di dalam hutan	125
Hikayat Nakhoda Muda	2. Kata Husain Mandari dan Husain Mandi, “Kami datang dari negeri Gaznawi,” seraya katanya lagi, “Hai bapaku, di dalam negeri ini adakah rumah yang tiada dapurnya?” Kata orang tua itu, “Di mana pula ada rumah tiada berdapur: gila rupanya orang muda ini!	Bertanyakan rumah yang tiada dapur	124
	3. Kata Husain Mandari, “Hai bapaku, marilah kita berjalan!” Kata orang tua itu, “Berjalanlah kamu dahulu!”	Mengarahkan orang tua tersebut mengendong dua bersaudara	125

Hikayat Nakhoda Muda	Kata Husain Mandari, “Berjalanlah bapaku, kendong hamba kedua bersaudara ini.” Maka dalam hatinya orang tua itu mengatakan, “Gila orang muda keduanya itu.” Katanya , “Sedang kayu yang seberkas ini tiada terbawa olehku.”		
	4. Syahadan beberapa lamanya ia berjalan itu, maka ia bertemu dengan pokok langsung di dalam hutan, terlalu lebat buahnya. Kata Husain Mandari dan Husain Mandi, “Hai bapaku, adapun buah kayu ini dimakankah oleh manusia?” Kata orang tua itu, “ Terlalu amat baik dimakan manusia,” Kata Husain Mandari dan Husain Mandi , “Adapun buah kayu ini tiada dimakan oleh manusia.” Maka fikir orang tua itu, Benarlah orang muda ini gila keduanya.	Mengatakan bahawa pokok langsung tidak dimakan oleh manusia	125
	5. Berapa lamanya berjalan itu lalu ia bertemu dengan tahi manusia di tengah jalan itu. Kata Husain Mandari dan Husain Mandi, “Hai bapaku, tahi apa ini?” Kata orang tua itu, “Tahi manusia.” Kata Husain Mandari dan Husain Mandi, “Bukannya tahi manusia, tahi anjing itu.” Maka fikir orang tua itu, “Sungguh-sungguh ia gila”.	Mengatakan bahawa tahi di tengah jalan bukan tahi manusia malah tahi anjing	125
	6. Maka berjalanlah pula, lalu bertemu dengan jambatan buluh sebatang, tiada pegangannya. Orang muda itu, bertanya, mengatakan, “Hai bapaku, jambatan apa ini?” Kata orang tua itu, “Jambatan manusia.” Kata orang muda itu, “Bukannya jambatan manusia ini, inilah jambatan monyet.”	Mengatakan bahawa jambatan buluh bukan untuk manusia malah untuk monyet	126

Kajian ini merupakan kajian kualitatif sepenuhnya. Oleh itu, saiz sampel yang kecil antara satu hingga lima data kajian sudah mencukupi, asalkan sampel yang dipilih memenuhi kriteria pensampelan (Liamputtong, 2014). Pengkaji akan mengambil satu contoh peristiwa aneh dalam Hikayat Nakhoda Muda untuk dijadikan sample kajian.

Setiap analisis data ini akan melalui tiga peringkat analisis. Pertama peringkat semantik skrip sebagai penjelasan secara literal peristiwa aneh dalam Hikayat Nakhoda Muda. Seterusnya, pada peringkat kedua dinamakan sebagai semantik resonans. Peringkat ini pengkaji akan data, teori (TR dan RRS) dan keupayaan kognitif pada peringkat ini mampu merungkai alasan di sebalik penggunaan leksikal dalam cerita rakyat tersebut. Pada peringkat ketiga pula, pengkaji akan mengaplikasikan pendekatan SI oleh Jalaluddin (2014). Proses ini mampu menghuraikan falsafah dan akal budi masyarakat Melayu pada zaman dahulu dalam menciptakan peristiwa aneh dalam Hikayat Nakhoda Muda.

Berikut merupakan contoh peristiwa aneh dalam Hikayat Nakhoda Muda;


Setelah itu maka orang tua itu berjalanlah lalu diikuti oleh orang muda itu. Maka ia masuk ke hutan itu dikembangkan orang muda itu payungnya. Maka fikir orang tua itu, “Gila sungguh orang muda kedua ini, maka di dalam hutan ia berpayung, jika ia keluar di padang maka ditutup payungnya”. (Nor, 2016, p 125)

Pada peringkat semantik skrip data ini, merujuk kepada satu perbuatan yang bertentangan dengan norma kehidupan kita sebagai manusia. Secara literalnya, data ini menjelaskan bahawa orang tua (Bapa kepada Siti Sara) hairan melihat kelakuan dua orang pemuda yang aneh iaitu berpayung ketika di dalam hutan manakala di padang iaitu selain di hutan pula tidak berpayung. Hal ini jelas bertentangan dengan norma kehidupan kerana fungsi payung adalah untuk melindungi diri daripada panas terik ataupun hujan.

Oleh itu, orang tua (bapa kepada Siti Sara) tersebut telah melabel dua orang pemuda tersebut dengan perkataan “gila sungguh” kerana melihat kelakuan mereka yang bertentangan dengan norma kehidupan kita sebagai manusia. Namun, makna pada peringkat semantik skrip sebenarnya masih belum mampu menjawab mengapa penggunaan setiap leksikal tersebut digunakan. Hal ini memerlukan dua lagi peringkat iaitu peringkat semantik resonans dan SI bagi mendapatkan makna yang dihayati dan mencungkil hingga ke akal budi.

Analisis diteruskan lagi di peringkat semantik resonans. Pada peringkat analisis semantik resonans ini pengkaji akan gabungan data, teori dan keupayaan kognitif pada peringkat ini mampu merungkai alasan di sebalik penggunaan leksikal dalam cerita rakyat tersebut. Aplikasi semantik resonans melibatkan keupayaan kognitif yang memperlihatkan bentuk logik sesuatu makna berdasarkan keupayaan kognitif penutur-pendengar (Jalaluddin, 2014). Selain itu, gambaran proses kognitif juga diperlukan bagi meneliti satu persatu leksikal-leksikal konkrit dalam peristiwa aneh ini.

Proses ini akan mengambil kira gambaran nyata, bentuk logik (makna linguistik) dan mempertalikan kelakuan yang aneh dalam Hikayat Nakhoda Muda. Dalam data ini imej yang konkrit adalah [HUTAN], [PAYANG] dan [PADANG]. Gambaran bentuk kognitif ini dapat dipancarkan dalam Rajah 2 tersebut.



Rajah 2: Peristiwa Aneh Mempertalikan Gambaran Kognitif [HUTAN], [PAYANG] dan [PADANG]

Seterusnya, Teori yang mendasari pencarian makna pada peringkat ini ialah TR daripada Sperber dan Wilson (1986; 1995). Teori ini penting bagi pencarian dan pentafsiran makna sebenar kerana menekankan tiga peranan utama iaitu konteks, kesan kognitif dan kos proses bagi melihat kerelevanan ujaran iaitu menerangkan maksud sebenar dengan kadar memproses maklumat yang rendah (Subet & Daud, 2016; 2017; 2108). Oleh itu, pada peringkat ini pelbagai andaian boleh muncul dan difikirkan. Data korpus di atas akan dianalisis menggunakan pendekatan RRS (RRS) iaitu salah satu sub konsep TR. Menurut Ritos dan Daud (2020), penerapan teori yang mampan seperti TR dan RRS diperlukan supaya huraian data disokong dan mampu membentuk aturan konsepsi dan membekalkan kemudahan bagi menjelaskan fenomena yang kompleks dalam berbahasa.

Setelah itu maka orang tua itu berjalanlah lalu diikuti oleh ***orang muda*** itu. Maka

ia masuk ke hutan itu dikembangkan orang muda itu payungnya.

Maka fikir orang tua itu, “Gila sungguh orang muda kedua ini, maka di dalam hutan

ia berpayung, jika ia keluar di padang maka ditutup payungnya”.

Ungkapan “gila” digambarkan berdasarkan kelakuan yang ditonjolkan dalam data di atas iaitu **di dalam hutan ia berpayung, jika ia keluar di padang maka ditutup payungnya**. Frasa **di dalam hutan ia berpayung** dan **jika ia keluar di padang maka ditutup payungnya** mengandungi makna yang masih kabur apabila leksikal hutan dikaitkan dengan leksikal payung dan leksikal payung juga dikaitkan dengan leksikal padang. Ayat tersebut menunjukkan kelakuan di luar norma kehidupan manusia. Hal ini demikian kerana maklumat tersebut diperoleh daripada pengalaman diri atau dengan melihat perkara ini berlaku di sekeliling kerana persepsi minda yang telah disempitkan bahawa berpayung di dalam hutan sesuatu perbuatan yang ganjil kerana di dalam hutan banyak pokok yang tinggi untuk berlindung.

Konteks yang terdapat dalam data tersebut telah menunjukkan satu perbuatan yang ganjil dengan menekankan perkataan “gila sungguh” di awal ujaran tersebut. Kesan konteks yang terbina daripada ujaran di atas tidak memerlukan kos proses yang tinggi kerana disokong oleh maklumat tambahan (pengetahuan sedia ada) dan berdasarkan konteks yang terkandung dalam ayat itu sendiri (Mansor & Jalaluddin, 2016). Menurut *Kamus Dewan Bahasa* (2016), payung merupakan satu alat yang melindungi seseorang daripada panas dan hujan serta mempunyai struktur yang luas dan ringan. Struktur payung yang boleh ditutup dan dibuka menyebabkan ramai yang lebih berminat menggunakan payung jika dibandingkan dengan terendak. Terendak merupakan penutup kepala yang lebar tepinya, dibuat juga daripada anyaman buluh dan rotan. Jelaslah terdapat perbezaan antara payung dan terendak tersebut. Hutan pula didefinisikan sebagai satu kawasan yang luas dan ditumbuhi pokok-pokok liar dan terbiar. Pokok-pokok tersebut juga kebanyakan bersaiz besar dan tua. Di samping itu, di hutan juga merupakan tempat tinggal binatang, dari sekecil-kecil binatang hingga sebesar-besar binatang dan di situ juga terdapat binatang yang buas dan jinak tinggal. Padang pula merupakan satu tempat yang mempunyai tanah yang lapang. Struktur padang yang tidak mempunyai pokok tempat berteduh menyebabkan ramai yang tidak gemar berada di situ kerana pancaran matahari yang terik terus terdedah kepada kita dan akan menyilaukan mata.

Pada peringkat semantik resonans ini, pengetahuan sedia ada dalam pemikiran penutur tentang payung sebagai pelindung hujan dan panas, hutan mempunyai pokok terbiar dan tempat tinggal binatang dan padang tiada

tempat berteduh membekalkan konteks untuk mentafsir makna yang terkandung dalam cerita rakyat tersebut. perkaitan penggunaan leksikal-leksikal tersebut untuk membuktikan perbuatan aneh dan gila tersebut belum mampu menghurai makna sebenar konteks yang disampaikan oleh penutur. Di sini, makna sebenar yang dihayati masih belum diketahui dan perlu dicari pada satu lagi tahap iaitu pada peringkat iaitu SI (Abdullah & Daud, 2020).

Analisis yang terakhir dinamakan sebagai SI. Apabila dikaji dengan lebih mendalam ayat **“Gila sungguh orang muda kedua ini, maka di dalam hutan ia berpayung, jika ia keluar di padang maka ditutup payungnya”** ini mengandungi makna yang kabur. Hal ini demikian kerana, apabila di hutan, terdapat banyak pokok besar yang boleh dijadikan tempat berteduh daripada kepanasan namun dua orang pemuda tersebut mengenakan payung ketika di dalam hutan. Mengapakah leksikal hutan dan payung digunakan? Atau mengapakah leksikal padang dan payung digunakan? Kenapa tidak leksikal dusun atau dataran luas digunakan dan mengapakah leksikal hutan dikaitkan dengan payung dan mengapa tidak digabungkan dengan terendak, daun pisang dan sebagainya? Dengan menggunakan pendekatan SI maka persoalan seperti ini dapat dijawab dengan mengaitkannya dengan bidang-bidang yang lain. Hal ini demikian kerana SI merupakan satu bidang multidisiplin iaitu tidak hanya terbatas kepada bidang bahasa sahaja, malah bidang lain juga.

Kenapa leksikal payung digunakan dan kenapa leksikal terendak tidak digunakan? Hal ini demikian kerana walaupun reka bentuk dan fungsi payung dan terendak agak sama namun cerita rakyat ini tetap memilih leksikal payung. Hal ini demikian kerana, struktur terendak yang tidak mempunyai gagang dan bersifat melekap di kepala. Berbeza dengan payung yang tidak melekap di kepala dan payung juga boleh dibuka dan ditutup bila-bila masa sahaja tidak seperti terendak kerana terendak telah dianyam dengan rotan, strukturnya tetap dan mengambil masa untuk siap. Terendak akan dibuat oleh seseorang yang kreatif dan mahir dalam pembuatan kraf tangan seperti barangan rotan dan sebagainya. Dalam bidang Geografi, seperti dalam penulisan Salahuddin (2012) yang bertajuk “Tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar” menyatakan bahawa hutan mempunyai beberapa lapisan dan lapisan hutan paling tinggi adalah lapisan atas yang terdiri daripada pokok-pokok yang mencapai ketinggian di antara 50 m-70 m. Lapisan atas merupakan tempat habitat bagi burung-burung besar seperti helang dan enggang. Di bawah lapisan ini adalah lapisan kanopi di mana pokoknya berketinggian antara 30 m-40 m sahaja dan lapisan ini terdedah kepada cahaya matahari. Oleh itu, proses fotosintesis giat berlaku pada lapisan kanopi ini dan kesannya menghalang matahari untuk sampai ke lapisan bawah hutan. Lapisan kanopi juga menghasilkan bunga-bunga dan buah-buahan. Oleh itu, pada lapisan ini habitat seperti hidupan liar iaitu monyet, kelawar, tupai hidup pada lapisan ini. Di bawah lapisan kanopi ini ialah lapisan tengah yang terdiri daripada pokok-pokok yang tingginya lebih kurang 10m dan pokok-pokok ini terpaksa memperoleh cahaya matahari yang menembusi kanopi melalui celah-celah daun tersebut. Hidupan liar yang terdapat pada lapisan ini adalah tupai, orang hutan dan ular. Lapisan terakhir terdiri daripada pokok-pokok menjalar, tumbuh-tumbuhan herba dan parasit juga hidup pada benda organik yang mati dan mereput. Habitat yang tinggal pada lapisan ini adalah katak, babi, cipan, harimau, pelanduk, semut, pacat dan banyak lagi.

Pada peringkat atas dan kanopi, habitat yang tinggal di situ kebanyakannya bergayut dan hinggap pada dahan dan dikhuatiri ranting pada pokok tersebut jatuh atau patah. Apabila seseorang masuk dalam hutan tanpa perlindungan maka, dikhuatiri ranting tersebut akan jatuh terkena kepada. Mengikut logik akal, terendak suatu ketika dahulu sukar untuk dibuat jika tidak mempunyai kemahiran membuat terendak dan mengambil masa yang lama untuk siap. Oleh itu, penggunaan payung suatu ketika dahulu berleluasa dan terendak dibuat ialah untuk kegiatan pertanian semata-mata kerana apabila bertani menggunakan payung maka akan membataskan pergerakan petani tersebut. Oleh itu, orang zaman dahulu menggunakan payung di dalam hutan untuk mengelakkan

kemalangan kecil seperti ranting jatuh atas kepala dan terkena tahi burung. Oleh kerana jumlah pembuatan terendak adalah sedikit dan mengambil masa yang lama, maka logik apabila menggunakan payung di dalam hutan.

Padang pula dikaitkan dengan menutup payung di mana padang merupakan tempat yang lapang dan tidak banyak tempat untuk berteduh namun kenapa payung tersebut ditutup? Hal ini demikian kerana, apabila dikaitkan dengan data di atas, dua orang pemuda (anak menteri) tersebut berada dalam konteks bermusafir atau merantau di tempat yang penduduknya kebanyakan bukan dari golongan berada. Dalam kesusasteraan, seseorang yang merantau akan cuba sedaya upaya untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran lebih-lebih lagi bertentangan dengan rutin harian mereka di tempat sendiri. Perkara ini jelas ditayangkan seperti dalam filem *Musang Berjanggut* (1959) yang dimuat naik oleh Fahmie (2014) iaitu P. Ramlee merantau ke suatu daerah untuk menunaikan janjinya mencari menantu yang betul-betul perempuan bukannya betina. Di samping itu, filem tersebut juga jelas menunjukkan kebanyakan pekerjaan iaitu orang bukan berada adalah seperti bertani, mengumpul kayu api dan banyak lagi iaitu mereka terdedah dengan panas terik. Oleh itu, bagi memudahkan menyesuaikan diri dengan persekitaran, cara tidak berpayung semasa di padang atau tanah lapang adalah cara yang efektif untuk mudah menyesuaikan diri supaya turut merasakan kesusahan yang dialami oleh penduduk tempat yang di rantau iaitu berpanas demi mencari rezeki. Oleh itu, jelaslah mengapa leksikal padang, hutan dan payung digunakan dalam ayat di atas. Dapat di simpulkan bahawa ujaran “gila sungguh” dalam data di atas merujuk kepada perbuatan yang berpayung di dalam hutan dan sebaliknya tidak. Setelah meneliti hingga ke akar umbi persoalan penggunaan payung, hutan dan padang tersebut mempunyai maksud yang tersendiri dan pengarang tidak meletakkan sesuatu leksikal tersebut tanpa asbab yang konkrit. Pendekatan SI telah membawa pengkaji menerokai bidang lain bagi mendapatkan jawapan bagi persoalan yang di cetus dalam minda berdasarkan data-data yang sedia ada.

KESIMPULAN

Kajian SI sangat penting bagi merungkai persoalan yang berlegar-legar di minda khususnya. Data yang di analisis melalui peringkat semantik skrip sahaja masih belum mampu merungkai makna yang dikehajati, begitu juga pada peringkat semantik resonans kerana aplikasi TR sahaja masih belum memadai untuk mendapatkan makna yang dikehajati sehingga ke akal budi. Cerminan SI terhadap data-data sebenarnya mampu membuka mata para pengkaji bahawa SI merupakan bidang multidisiplin yang tidak terhad kepada bidang bahasa sahaja. Malah turut melibatkan bidang-bidang yang lain juga seperti bidang geografi, sejarah, keagamaan dan banyak lagi. Pendekatan ini sangat kerana menyuruh kita berfikir dengan lebih kritis dengan mengaitkan dengan akal budi dan budaya masyarakat kita sendiri. Oleh itu, kajian SI dalam cerita rakyat harus dikembangkan dan dikaji dengan lebih banyak bagi menjaga warisan turun temurun ini agar tidak lenyap ditelan zaman.

RUJUKAN

- Abdullah, N. A., & Daud, M. Z. (2020). Pemaknaan semula sinonim leksikal “nepotisme” berteraskan data korpus: Analisis pragmatik. *LSP International Journal*, 7(1), 61–79.
- Adenan, K. M., Kayad, F. G., & Daud, M. Z. (2018). Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastera Indie: Karya Anwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*. 3(1), 106-121.
- Aris, M. A. (2017). *Ujaran berimplikatur dalam teks Sulalatus Salatin*. (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Azmy, S. N. M. S. (2012). *Implikatur dalam filem Puteri Gunung Ledang: analisis bentuk dan fungsi* (Doctoral

- dissertation, Jabatan Linguistik Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya).
- Daud, M. Z. (2017). *Slanga kedai kopi: Satu analisis semantik inkuisitif*. (Tesis sarjana muda).Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Daud, M. Z. (2018a). Domain rezeki dalam peribahasa Melayu berorientasikan Aves melalui perspektif semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 19-28.
- Daud, M. Z. (2018b). Gallus gallus domesticus dan Paradoxurus hermaphroditus dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Sains Humanika*, 10(2), 41-51.
- Daud, M. Z. (2018c). Pengaplikasian kerangka semantik inkuisitif melalui slanga. *MALTESAS MultiDisciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 43-52.
- Daud, M. Z. (2020). *Unggas dalam peribahasa Melayu: Satu analisis semantik inkuisitif*. (Tesis sarjana). Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019a). Ayam (gallus gallus domesticus) dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif. *Jurnal Kemanusiaan*, 17(1), 36-42.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019b). “Sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik”: Perspektif semantik inkuisitif dan akal budi Melayu. *Jurnal Melayu Sedunia*, 2(1), 37-62.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2019c). *Elemen perlambangan unggas dalam peribahasa Melayu: Analisis semantik inkuisitif*. Poster session presented at Hari Terbuka Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- Daud, M. Z., & Subet, M. (2019d). Slanga dan simbol tumbuhan dalam komunikasi lisan masyarakat Melayu: Pendekatan semantik inkuisitif. *Jurnal Pengajian Melayu*, 30(1), 108-136.
- Daud, M. Z., & Subet, M. (2020). Naratif Puteri Santubong dan Puteri Sejinjang mempertalikan politik tempatan: Analisis pragmatik. *Issues in Language Studies*, 9(2).
- Daud, M. Z., Wahap, N. H., & Lokman, M. N. (2018). Analisis semiotik peribahasa Banjar bersumberkan ular (serpentes). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 1-7.
- Daud, M. Z., Wahid, M. S. N. A., & Gedat, R. (2017). Eufemisme dalam bahasa Iban: Satu kajian kes di Kampung Lebor, Serian, Sarawak. *Borneo Research Journal*, 11(1), 87-105.
- Daud, M. Z., Wahid, M. S. N. A., & Gedat, R. (2018). Penggunaan eufemisme dalam kalangan penutur Iban. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 8(1), 27-40.
- Daud, M. Z., & Wahid, M. S. N. A. (2019). Persembahan hadrah di Sarawak: Pendekatan etnografi komunikasi. *Sains Humanika*, 11(2), 47-55.
- Durachman, M. (2006). *Cerita si Kabayan: transformasi, proses penciptaan, makna, dan fungsi*. Indonesia: Balai Bahasa Jawa Barat.
- Fahmie, A. (2014, 11 April). *Musang berjanggut (1959.engsub.640x480 (FK)* [Video file]. Diakses daripada https://www.youtube.com/watch?v=s_89g2EVBIU&t=2104s
- Hussain, A. (1993). *Kamus istimewa peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, R. (2016). *Metodologi penyelidikan teori dan praktis*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jalaluddin, N. H. (1999). *Relevans: komunikasi & kognisi* (1st ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Jalaluddin, N. H. (2007). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalaluddin, N. H. (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kadir, F. R. A., & Hamzah, Z. A. Z. (2017). Ujaran implisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 6 (1), 13-24.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2016). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kempson, R. M. (1986). Ambiguity and the semantics and pragmatics distinction. In C. Travis (Ed.), *Meaning and interpretation*. Oxford: Basil Blackwell.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif*. Serdang: Universiti Putra Malaysia Press.
- Nor, M. Y. M. (2016). *Antologi enam hikayat*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mansor, N. A. W., & Jalaluddin, N. H. (2016). Makna implisit bahasa kiasan Melayu: Mempertalikan komunikasi, kognisi dan semantik. *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 311-334.

doi:10.17576/jkmjc-2016-3201-15

- Murthy, T., & Subet, M. F. (2018a). Imej Rumpit dalam Peribahasa Tamil: Suatu Kajian Semantik Inkuisitif. *Issues in Language Studies*, 7(1).
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2018b). Imej Tebu dalam Peribahasa Tamil: Analisis Semantik Inkuisitif. *Trends in Undergraduate Research*, 1(1), f24-29.
- Murthy, T., & Subet, M. F. (2019). Imej Katak (துவளை) dalam peribahasa Tamil: Analisis semantik inkuisitif. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal*, 4 (1), 31-41.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019a). Kajian semantik inkuisitif dalam peribahasa Tamil: Imej tumbuhan. *Sains Humanika*, 11(1), 73-80.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019b). Cerminan pemakanan sihat dalam peribahasa Tamil: Suatu kajian semantik inkuisitif. *JSSH (Jurnal Sains Sosial dan Humaniora)*, 3(2), 117-129.
- Murthy, T., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2019c). Peribahasa Tamil berimej lada hitam sebagai tradisi lisan: Analisis semantik inkuisitif. *The International Journal of Creative Futures and Heritage (IJCFH)*, 7(2), 70-88.
- Osman, M. T. (1991). *Pengkajian sastera rakyat bercorak cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Osman, M. T. (2003). *Cerita lipur lara*. Shah Alam: Yayasan Karyawan.
- Rahim, N. A. (2014). The nearly forgotten Malay folklore: Shall we start with the software?. *TOJET: The Turkish Online Journal of Educational Technology*, 13(3), 216-221.
- Razali, N. F. S. M., Deli, R. M., & Daud, M. Z. (2018). Asas Fonem Konsonan Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan). *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(2), 8-24.
- Razali, N. F. S. M., Deli, R. M., & Daud, M. Z. (2019). Penelitian Dini Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan): Fonem Vokal. *Jurnal Sains Sosial@ Malaysian Journal of Social Sciences*, 4(1), 102-112.
- Ritos, S., & Daud, M. Z. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis Pragmatik. *Asian People Journal*, 3(1), 64-83.
- Saragih, F. A. (2017). Penggunaan strategi struktural dan semantik dalam terjemahan cerita rakyat Jepang “Donguri dan kucing hutan” karya Antonius Pudjo. *Jurnal Diglosia*, 9(1), 11-25.
- Salahuddin, K. (2012). *Tumbuhan semula jadi dan hidupan liar*. Diakses daripada http://ahmadsyakir-geografi.blogspot.com/p/hutan-hujan-tropika_11.html
- Salleh, S. F., Yahya, Y., Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2020). Analisis semantik leksikal dalam novel Sangkar karya Samsiah Mohd. Nor. *Asian People Journal*, 3(1), 45-63.
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020a). Perwatakan dalam novel KOMSAS “Di Sebalik Dinara”: Analisis teori relevan. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 84-100.
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020b). Teori relevans dalam pembelajaran KOMSAS. *Borneo International Journal*, 2(4), 47-54.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Oxford: Blackwell
- Sperber, D. & Wilson, D. (1995). *Postface relevance: Communication and cognition*. Oxford: Blackwell.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2018). Makna denotatif dan konotatif dalam slanga pelacur. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(1), 29-49.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2017). *Semantik dan makna konotasi dalam slanga pelacur*. Kertas kerja ini dibentangkan semasa The International Conference on Language Studies 2017, Kuching (Riverside Majestic Hotel), Malaysia.
- Subet, M. F., & Daud, M. Z. (2016). “Giler” atau “Gile”: Slanga kata penguat. *Jurnal Bahasa*, 16(2), 293-306. doi:10.31219/osf.io/jym6a
- Subet, M. F., & Nasir, M. R. M. (2019). Analisis semantik inkuisitif peribahasa Bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 16(2), 227-253.
- Wahid, M. S. N. A., & Daud, M. Z. (2018). Individu dan pemilihan dialek: Kajian kes di Kota Samarahan, Sarawak. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 11-21.
- Zakaria, S., & Jalaluddin, N. J. (2016). Konsep ruang dalam Anggun Cik Tunggal: Analisis semantik inkuisitif. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(1), 197-204.